

12 OCT 2003

Mahathir-Bakti

IMPIAN BAKTI MILIKI BANGUNAN SENDIRI TERLAKSANA

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Penantian selama 26 tahun Persatuan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) untuk memiliki bangunan sendiri bagi menjalankan kegiatan mereka akhirnya berakhir dengan pembukaan rasmi bangunan Bakti Siti Hasmah di sini malam ini.

Bangunan yang terletak di Bukit Kiara dengan keluasan 8,094 meter persegi itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga merupakan penaung badan kebajikan itu sejak 1981.

Dr Mahathir ketika berucap merasmikan bangunan itu berharap agar lokasi bangunan yang agak terpencil dan agak jauh dari Putrajaya tidak melunturkan semangat anggota Bakti untuk meneruskan tugas mereka.

"Walaupun sekarang kebanyakan menteri telah berpindah ke Putrajaya...jadi agak jauh untuk sampai ke bangunan ini, kita harus terima...tetapi dengan semangat (anggota) Bakti saya yakin masalah perhubungan ini akan dapat diatasi, walaupun jauh dari Putrajaya saya yakin bangunan ini dapat digunakan sepenuhnya," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Bangunan Bakti Siti Hasmah bakal menjadi tuan rumah kepada semua kegiatan Bakti yang sebelum ini beroperasi di Sri Perdana.

Yang Dipertua BAKTI, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dalam ucapannya pada majlis perasmian itu berkata, cadangan untuk memiliki bangunan sendiri bermula ketika kerajaan menawarkan sebidang tanah untuk badan-badan bukan kerajaan (NGOs) di kawasan Bukit Kiara, yang mana Bakti turut ditawarkan.

Bagaimanapun, katanya Bakti terpaksa berusaha keras untuk mencari dana bagi membiayai pembinaan bangunan BAKTI yang pertama itu sekaligus merealisasikan hajat persatuan itu yang terpendam selama 26 tahun.

Selain menempatkan sekretariat BAKTI dan pejabat Presiden, bangunan ini juga mempunyai beberapa bilik untuk digunakan sebagai tempat majlis. Bakti cuba menjadikan bangunan ini sebagai sebuah bangunan mesra masyarakat supaya badan itu boleh memenuhi matlamat membantu kanak-kanak dan orang dewasa yang memerlukan bantuan, katanya.

Bercakap mengenai sejarah awal penubuhan Bakti, Siti Hasmah berkata, pada sepuluh tahun pertama penubuhannya, alamat ibu pejabat Bakti ialah di Pejabat Perdana Menteri, manakala semua mesyuarat dan perjumpaan diadakan di kediaman rasmi Perdana Menteri iaitu kediaman Yang Dipertua dan urusetia berselerak di rumah Anggota Jawatankuasa Tadbir.

"Sepuluh tahun berikutnya Bakti mendapat sebuah rumah kerajaan di Jalan Terengganu di mana harta benda Bakti dan fail-fail lama dapat disimpan. Malangnya rumah ini berjauhan dari jalan raya, oleh itu sukar Bakti mendapat seorang pembantu untuk mengendalikan urusan pejabat," katanya.

Sehubungan itu, mesyuarat-mesyuarat Bakti masih terus berlangsung di kediaman Yang Dipertua begitu juga untuk Mesyuarat Agung Tahunan atau majlis-majlis Bakti, dan rutin itu berterusan walaupun setelah beliau berpindah ke Putrajaya pada 2000, katanya.

Sehubungan itu katanya, dengan adanya bangunan Bakti itu akan menyemarakkan lagi semangat Bakti untuk berkhidmat secara jujur dan ikhlas demi masyarakat yang kurang bernasib baik.

-- BERNAMA

SNS SSA BK

